



مجلس أكام إسلام دان عادات ملايوڤيراق  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Bertarikh : 20 Rabiulakhir 1440H

28 Disember 2018

**PENAFIAN PENGLIBATAN DI DALAM PROGRAM GAGASAN DAKWAH EKONOMI 3M (GDE3M) YANG DIJALANKAN OLEH DEWAN PERKASA EKONOMI ISLAM NUSANTARA**

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mendapati perkataan "Baitulmal" telah digunakan di dalam Program Gagasan Dakwah Ekonomi 3M (GDE3M) oleh Dewan Perkasa Ekonomi Islam Nusantara (DPEIN) di dalam risalah, poster dan hebahan promosi program tersebut.

MAIPk dengan ini menafikan apa-apa kaitan mahupun penglibatan di dalam program yang dijalankan oleh DPEIN. Perkataan "Baitulmal" yang digunakan di dalam program berkenaan sama sekali tidak merujuk kepada "Baitulmal" yang terletak di bawah tanggungjawab atau yang diuruskan oleh MAIPk. Sebarang aktiviti yang dijalankan oleh DPEIN hendaklah difahami sebagai tidak diberikan atau disahkan oleh MAIPk. MAIPk tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap mana-mana pihak akibat daripada kecuaiian, kegagalan, keingkaran, peninggalan atau pelanggaran kewajipan yang disebabkan oleh DPEIN.

Saya Yang Menjalankan Amanah,

**TUAN HAJI MOHD. HAIDI BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak